

03/03/1997

Gejala sosial tanggungjawab bersama

Sut

SESEBUAH masyarakat mengandungi pelbagai komponen dan golongan yang berinteraksi antara satu sama lain. Hasil interaksi itu lahirlah sifat masyarakat sama ada baik atau buruk - cenderung kepada Barat atau Timur, beragama atau tidak, mengikut acuan kita sendiri atau tidak - bergantung kepada pergerakan masyarakat pada umumnya. Tidak ada satu komponen pun yang bebas daripada tanggungjawab masing-masing terhadap masyarakat.

Satu masalah yang begitu serius ialah wujudnya masalah hari ini apa yang sering kita sebut gejala sosial dalam masyarakat Malaysia. Ia begitu menular di kalangan remaja terutama mereka yang masih bersekolah. Jika pada suatu waktu dulu masalah penagih dadah hanya menjadi masalah golongan tertentu dalam masyarakat, kini masalah itu menyerang golongan remaja. Begitu juga jika suatu masa dulu apa yang diistilahkan sebagai golongan samseng, kini masalah itu juga memasuki bilik darjah di sekolah hinggakan Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Razak terpaksa campur tangan dan pihak polis diminta bekerjasama dengan pihak sekolah untuk menangani permasalahan ini.

Permasalahan sosial yang kita hadapi hari ini menjadi subjek yang dibincangkan oleh setiap individu dalam masyarakat apabila Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membuat kenyataan berhubung masalah itu.

Berikutan itu, Biro Hal-Ehwal Islam bersama Biro Sosial dan Pengaduan Awam Umno serta Pergerakan Pemuda dan Wanita parti itu akan mengadakan gerakan bersepadu bagi memerangi gejala sosial, terutama di kalangan remaja yang dianggap sudah mencapai ke tahap darurat. Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Abdul Hamid Othman menyifatkan masalah sosial terutamanya di kalangan masyarakat Islam dan orang Melayu kini mencapai satu tahap yang boleh mengancam keselamatan negara. Oleh yang demikian melalui gerakan bersepadu itu akan menyelaraskan program masing-masing sehingga ke peringkat akar umbi dengan membabitkan semua ketua bahagian.

Barangkali tidak banyak manfaat dan faedahnya kita membincangkan soal kenapa dan mengapa timbulnya masalah sosial. Meskipun ada yang berpendapat kurang bermanfaatnya usaha mencari sebab dan musababnya, namun oleh kerana kita ingin menangani dan menyelesaikannya, kita harus juga tahu sumber sebenar masalah itu. Kemudian barulah cara mengatasinya dicari.

Jangan pula disebabkan kita terburu-buru hendak menyelesaikannya, kita lupa melaksanakan diagnosis yang sebaiknya. Kita bimbang lain tempat yang sakit lain anggota diberi ubat. Hal yang demikian bukan saja tidak boleh menyembuhkan penyakit, malah akan menimbulkan pula kesan sampingan yang lain pula.

Persoalan kenapa, mengapa dan bagaimana tentulah tidak semudah menjawabnya sebagaimana kita menimbulkannya. Persoalan awal yang timbul ialah apakah dasar yang kita bina dan ciptakan tidak memadai? Ataupun tidak ada permasalahan pada dasar yang kita bina melainkan yang ada masalah ialah pelaksanaannya?

Kini ada dua sektor utama dalam kehidupan menjadi penggerak utama dan memainkan peranan begitu penting dalam masyarakat iaitu sektor politik dan ekonomi.

Kita dari hati ke hati mengajak pembaca merenung sejenak pelakuan individu atau institusi dalam kedua-dua sektor.

Tidak dapat dinafikan memang kedua-duanya mempunyai fungsi yang agak besar. Generasi muda kita tentulah melihat berapa ramai orang yang dalam

bidang korporat yang `menyeleweng' tetapi masih tetap bebas tidak diambil tindakan yang sewajarnya. Mereka juga melihat bagaimana orang yang berilmu menggunakan ilmunya meminjam kata-kata Perdana Menteri suatu waktu tidak lama dulu melakukan hal yang tidak bermoral dan jijik.

Dalam politik pula, bukan mereka tidak tahu dan tidak melihat bagaimana pelbagai skandal berlaku di depan mata mereka. Mereka yang terbabit masih belum dikenakan tindakan akibat sukar mencari bukti yang sah.

Kedengaran juga suara generasi muda ini yang menyatakan: "Ah mereka sibuk mengenai hal kita, bagaimana dengan hal mereka sendiri?" Pertanyaan itu bunyinya mudah tetapi tidak senang menjawabnya.

Bagaimana? Kita tidak boleh menyalahkan sesiapa pun dalam hal ini. Setiap orang daripada kita, daripada seorang pemimpin satu keluarga kecil sehinggalah kepada pemimpin dalam semua sektor kehidupan kita hari ini - kecil dan besar - mestilah bertanggungjawab dan serius menangani gejala sosial yang kita hadapi. Ini kerana sebab gejala sosial bukan saja menyerang orang muda dan murid tetapi juga menyerang semua peringkat masyarakat kita secara menyeluruh. Hanya ada beberapa pemimpin politik dan korporat kita yang masih bersih, yang lain itu janganlah terlalu menunjukkan jari telunjuk kepada orang lain.

(END)